



Berita

Kuala Lumpur City News

BANDARAYA

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my
Bil.6 Jun 2005/ Jamadilawal 1426H

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

"Seribu Satu Malam" di Kuala Lumpur

Tanah seluas 0.2 hektar yang terletak di persimpangan Jalan Berangan, Jalan Beremi dan Jalan Sultan Ismail akan diubah menjadi satu pusat tarikan pelancong Arab dengan mewujudkan ciri-ciri Timur Tengah.

Kini, kerja-kerja peningkatan untuk menceriakan dan mencantikkan kawasan tersebut sedang dijalankan agar kawasan itu akan dapat menarik pelancong-pelancong dari Asia Barat, apatah pula ia mempunyai ciri-ciri Arab.

Dikenali sebagai "Ain Arabia", dekorasi di kawasan tersebut adalah gabungan unsur dan ciri-ciri air, untuk menghasilkan suasana yang tenang dan mendamaikan. Turut dilengkapi arca, kawasan yang lengang dengan lalu lintas itu mempunyai konsep Timur Tengah.



Kerja-kerja mengukir dilakukan oleh pekerja-pekerja mahir yang didatangkan khas dari negara Uzbekistan.

- Gambar ehsan daripada Majlis Tindakan Pelancongan Kuala Lumpur

Gazebo, kiosk-kiosk, kaki-kaki lima, pasu-pasu bunga, pencahayaan, hiasan-hiasan, bangku-bangku taman, perisai dan juga papan tanda jalan yang digunakan untuk mencantikkan kawasan ini mempunyai ciri-ciri dan diilhamkan daripada binaan tradisional Asia Barat. Terdapat beberapa restoran masakan Arab yang berdekatan dengan kawasan yang dipanggil "Arab Square" seperti Sahara Tent dan Hay Al-Arab.

Taman mini ini yang dibangunkan agar dapat dibuka untuk kegunaan awam dan pelancong-pelancong Arab yang dijangka mencapai 200,000 orang yang akan datang melawat Malaysia sepanjang Julai hingga September 2005. Malaysia kini merupakan negara tarikan utama pelancong-pelancong



Taman mini yang dinamakan sebagai 'Ain Arabia' di Jalan Beremi/ Jalan Sultan Ismail yang sedang dalam pembinaan. - Gambar Berita Bandaraya

dari negara Timur Tengah semenjak peristiwa 11 September di New York pada tahun 2001 terjadi.

Sebagai satu negara Islam yang mana kependudukannya adalah 60% beragama Islam, mudah bagi pelancong-pelancong Arab ini mendapatkan pilihan makanan yang halal dan juga tempat-tempat untuk beribadat dan ini merupakan punca utama Malaysia menjadi pilihan mereka. Keselamatan yang terjamin juga merupakan faktor tambahan, apatah lagi mereka ini sering membawa satu keluarga yang besar apabila melancong.

Bagi mereka yang ingin berbulan madu dan yang ingin menghabiskan cuti musim panas, lebih berminat untuk melancong ke Malaysia dalam bulan Julai hingga September.



Replika cangkir air dibina di tengah-tengah kawasan Ain Arabia menambahkan lagi suasana Timur Tengah. - Gambar ehsan daripada Majlis Tindakan Pelancongan Kuala Lumpur.

Dari Meja Datuk Bandar



Sedari dulu lagi, penajaan merupakan penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara terutama di Kuala Lumpur. Bayangkan, Kuala Lumpur tanpa kehadiran

penjaja pastinya menimbulkan suasana yang suram dan hambar. Ini kerana kewujudan penjaja merupakan perkara sinonim dalam budaya masyarakat di Kuala Lumpur di mana penjaja-penjaja ini seringkali menawarkan pelbagai jenis barangan dengan harga yang mampu dimiliki oleh semua lapisan masyarakat di Kuala Lumpur.

Walaupun kehadiran ramai penjaja ibarat cendawan tumbuh selepas hujan diterima baik oleh pihak pentabir Kuala Lumpur iaitu DBKL tetapi DBKL tidak dapat sama sekali mengetepikan beberapa isu penting yang sering dikaitkan dengan penjaja seperti kebersihan, tahap disiplin dan pertumbuhan pesat industri ini sendiri. Justeru, peluang yang diwujudkan melalui industri ini selain daripada menjual barangan dan makanan pada harga yang berpatutan juga membantu mengurangkan kadar pengangguran dan kemiskinan di Kuala Lumpur tidaklah harus dipandang enteng.

Masalah yang paling ketara ialah mencari angka yang paling sesuai bagi jumlah penjaja yang dibenarkan beroperasi di Kuala Lumpur agar tidak menimbulkan sebarang konflik atau gangguan kepada penduduk kota.

Untuk ini, isu-isu berkaitan seperti

kebersihan, premis, kebersihan makanan terutama dari segi hygiene dan kualiti, kesesakan lalu lintas yang timbul akibat daripada aktiviti perdagangan ini, tahap penglihatan dan pencemaran serta pelbagai faktor lain yang perlu dipertimbangkan sebelum lesen lesen dikeluarkan.

Berdasarkan kenyataan ketua ekonomi, kawasan yang luas dan mampu menampung sejumlah besar pelanggan pada satu-satu masa perlu dikenalpasti. Ini termasuklah memastikan segala kemudahan awam dan senang dikunjungi untuk memastikan kesinambungan berterusan industri ini. Di samping itu, kehadiran pelancong asing yang lebih gemarkan suasana terbuka sewaktu menikmati makanan juga diambil kira.

Pada masa ini, terdapat kira-kira 47,950 penjaja berlesen di Kuala Lumpur dan lebih kurang 4,000 penjaja beroperasi tanpa lesen dengan lokasi-lokasi premis mereka berselerakan di setiap pelusuk bandaraya.

Untuk itu, lebih banyak pusat penjaja telah dibina oleh DBKL dan pada masa yang sama menggalakkan serta sentiasa menyokong mana-mana usaha sektor swasta yang mempunyai perancangan untuk penjaja di bangunan mereka. Pendekatan ini telah menyaksikan lebih banyak pusat penjaja dibina dan ianya dilihat sebagai perkara positif dalam usaha menampung jumlah penjaja yang sentiasa meningkat.

Malahan, di tahun 2001 ada cadangan untuk menentukan jumlah maksimum penjaja yang beroperasi berdasarkan kepada populasi pada waktu siang dan malam. Ini bermakna, jumlah penjaja adalah berbeza pada waktu siang dan malam. Walaubagaimanapun dan apa jua cadangan, pastinya DBKL akan mengkaji isu ini daripada pelbagai aspek bagi memastikan tidak berlakunya kebanyakan penjaja.

Pandangan

Berita Bandaraya / KL City News akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan sekitarnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL bolehlah dialamatkan kepada: Sidang Redaksi Berita Bandaraya / KL City News Unit Hal Ehwal Awam, 10, Jln. Utara B. 1, Tingkat 29 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur. e-mel: akhbar@dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9013 Faks: 03-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyerat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

Sidang Redaksi

Penasihat: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan Ketua Editor: Tuan Hj. Salleh Bin Yusup Editor: Hanim Binti Hj. Hashim Sub-Editor: Suriyana Binti Ismail Jurufoto: Abd. Rhanu Bin Md. Shohor

From the Mayor's Desk

City Hall has for a long time acknowledged the contribution of the hawker industry to the economic and social development of the Federal Capital and heart of the country. It would be unthinkable and unimaginable to see the city landscape without its hawkers and street vendors. They constitute an integral part of our culture with their varied wares and food offered at an affordable price.

Whilst accepting this reality that hawkers are here to stay, City Hall has also got to ensure the cleanliness, disciplined and orderly growth of the hawker industry, which besides providing affordable food and other sundry goods also helps to reduce unemployment and incidence of poverty.

One of the major problems in the hawker industry is to decide on the number of hawkers that can be allowed to operate in the City, without them being considered a nuisance to others.

In this regard issues of environmental cleanliness, food cleanliness, hygiene, quality and wholesome food, obstruction to traffic, visibility etc have to be taken into consideration before licences can be approved.

Economically, viable sites with a large human traffic to sustain the hawkers have

to be identified besides provision of utilities and access to ensure the healthy and sustained growth of this industry. Foreign tourists too have taken a liking to hawker food and cuisine served in an alfresco ambience.

Currently, there are 47,950 licenced hawkers in the city and an estimated 4,000 illegal operators plying their wares in all corners of the city.

City Hall has constantly taken action to build more hawker centres in the City and has also encouraged and supported the private sector to provide places for hawkers in their buildings. More hawker centres are currently being built to relocate and accommodate the growing numbers.

In 2001, there was even a proposal to decide on the threshold for hawkers or the maximum the City could accommodate based on the daytime and nighttime population. This would mean that the number of hawkers operating during the day would be different at night.

However and whatever the suggestion, City Hall has to study the issue in detail in a wholistic manner and not to flood the City with hawkers.

EDITORIAL BOARD

Advisory Editor: Datuk Hj. Ruslin Bin Hj. Hasan, Editor in Chief: Tuan Hj. Sallet Bin... Editor: Hanim Binti Hj. Hashim, Sub-Editor: Suriyana Binti Ismail, Photographer: Abdul Rhani Bin Md. Shohor, Editor's Address Kuala Lumpur City News Public Affairs & International Unit, Level 29, City Hall Building, Jalan Raja Laut, 50350, KL Tel : 03 2617 9013 Fax: 03 2694 1373 e-mail : akhbar@dbkl.gov.my